

16/05/2001

Kementerian minta henti kritik Sains tahun satu

Rahman Hashim

MELAKA, Selasa - Semua pihak termasuk kesatuan guru dinasihat tidak terus membuat kritikan melulu berhubung cadangan kementerian memperkenalkan mata pelajaran Sains kepada murid tahun satu mulai tahun depan.

Sebaliknya, mereka perlu menunggu hasil daripada projek perintis yang akan dilaksanakan di 50 sekolah rendah yang sudah ditetapkan kementerian.

Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan (Bahagian Sekolah), Abdul Raof Husin, berkata masih terlalu awal mereka membuat sebarang kritikan berhubung isu, sekali gus menasihatkan mereka supaya bertenang.

Beliau berkata, banyak pihak tersalah faham terhadap matlamat kementerian kerana tujuan pengenalan mata pelajaran Sains bukanlah untuk mendera atau menyusahkan murid tahun satu, sebaliknya menimbulkan minat mereka terhadap bidang itu.

"Bidang Sains juga tidak boleh disempitkan kepada perubatan dan peralatan saja, malah ia turut merangkumi pelbagai tumbuhan, seperti daun dan hidupan lain," katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis penutup bahas guru-guru Malaysia di Kolej Yayasan Saad, Ayer Keroh dekat sini, hari ini.

Beliau yang mewakili Ketua Pengarah Pendidikan, Abdul Rafie Mahat, menyampaikan hadiah kepada pasukan Perak yang muncul johan bahas bahasa Melayu dan pasukan Selangor yang menjuarai bahas bahasa Inggeris.

Pertandingan bahas ala Parlimen itu dianjurkan sempena sambutan Hari Guru peringkat kebangsaan yang akan dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini, esok.

Abdul Raof berkata, oleh kerana perkara itu masih pada peringkat awal, kementerian perlu mengambil kira pelbagai aspek lain, seperti bilangan guru terbabit, peruntukan yang diperlukan serta silibus mata pelajaran itu.

Katanya, dari segi tenaga pengajar, kementerian dijangka tidak menghadapi masalah kerana guru sains di tahun empat juga boleh mengajar mata pelajaran berkenaan.

Beliau berkata, apa yang membezakan ialah sudah tentu silibus mata pelajaran itu tidak membebaskan murid.

(END)